

# ALLERYL SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5ml, 2mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Alleryl Syrup
2. Bagaimana Alleryl Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Alleryl Syrup
4. Cara mengambil Alleryl Syrup
5. Semasa mengambil Alleryl Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Alleryl Syrup
8. Maklumat lanjut Alleryl Syrup
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Alleryl Syrup

Alleryl Syrup tergolong di dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antihistamina.

Alleryl Syrup mengandungi chlorpheniramine maleate yang digunakan untuk:

- Rawatan gejala alergi rinitis (radang membran mukus dalam hidung) bermusim dan perennial (berlaku sepanjang tahun). Rinitis vasomotor (bukan alahan) dan konjunktivitis alahan (radang mata) disebabkan oleh alergen inhalan dan makanan.
- Rawatan gejala gatal-gatal kulit yang berkaitan dengan tindak balas alahan dan gejala urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit) yang ringan dan tidak rumit dan angioedema (bengkak pada bahagian kulit dalam).
- Boleh digunakan dalam kombinasi dengan dekongestan (Pseudoephedrine) untuk melegakan sementara kesesakan hidung dan sinus yang berkaitan dengan selesema dan rinitis alergi.

## Bagaimana Alleryl Syrup berfungsi

Alleryl Syrup berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamina) yang dihasilkan oleh badan anda semasa reaksi alergi. Histamina adalah bahan kimia yang menyebabkan gejala alahan..

Tindakan antimuskarinik oleh antihistamina ini memberikan kesan kering pada mukosa hidung.

## Sebelum mengambil Alleryl Syrup

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Alleryl Syrup jika anda:

- Alergik kepada chlorpheniramine maleate atau bahan-bahan yang terkandung di dalam ubat ini.
- Sedang atau pernah mengambil ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan yang dikenali sebagai perencat *Monoamine Oxidase* (MAOIs).
- Sedang menghadapi penyakit pernafasan contohnya asma.

### *Hamil dan menyusukan bayi*

Jangan ambil Alleryl Syrup jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil. Penggunaan semasa trimester ketiga mungkin menyebabkan reaksi pada bayi yang baru lahir.

Ibu yang sedang menyusukan bayi tidak digalakkan untuk mengambil Alleryl Syrup kerana terdapat kesan sampingan kepada bayi seperti keterujaan yang luar biasa atau kerengsaan. Sedikit chlorpheniramine dirembeskan ke dalam susu ibu.

### Sebelum mula mengambil Alleryl Syrup

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda alah terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

- Glaukoma (tekanan meningkat di dalam mata)
- Retensi air kencing
- Pembesaran prostat
- Halangan leher pundi kencing
- Serangan asma secara tiba-tiba
- Tekanan darah tinggi yang teruk
- Penyakit jantung
- Bronkitis (keradangan pada saluran udara yang membawa udara ke paru-paru)
- Bronkiektasis (pengembangan saluran udara paru-paru yang abnormal )
- Penyakit hati
- Lebihan hormon tiroid

### *Penggunaan dalam rawatan batuk dan selesema*

- Jangan memberi ubat ini kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.
- Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor / ahli farmasi bagi kanak-kanak berusia 2-6 tahun.
- Bayi yang baru lahir atau pra-matang tidak digalakkan mengambil ubat ini kerana mempunyai risiko yang lebih tinggi terhadap kesan sampingan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuklah ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Ini termasuk :

- Alkohol atau ubat depresi sistem saraf pusat seperti barbiturat – Penggunaan secara serentak boleh meningkatkan kesan sedatif sistem saraf pusat.
- *Monoamine oxidase inhibitor* (MAOIs) termasuk Furazoline, Pargyline dan Procarbazine.
- Ubat-ubat ototoksik seperti aminoglycosides, furosemide, erythromycin salicylates – Penggunaan secara serentak boleh menutup simptom ototoksiti seperti tinnitus (bunyi berdering di dalam telinga) pening dan rasa pusing (vertigo).
- *Phenytoin*.

## Cara mengambil Alleryl Syrup

Doktor akan memaklumkan anda berapa banyak dan berapa kerap anda harus mengambil Alleryl Syrup. Arahan ini juga boleh didapati pada label preskripsi anda.

### Berapa banyak harus diambil

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi.

Dos dewasa:

Alleryl Syrup 4mg/5ml  
5mL setiap empat hingga enam jam mengikut keperluan sehingga maksimum 30ml sehari.

Dos pediatrik :

Alleryl Syrup 2mg/5ml  
Kanak-kanak 2-5 tahun : 2.5ml setiap empat hingga enam, sehingga maksimum 15ml sehari.

Kanak-kanak 6 tahun hingga 12 tahun : 5ml setiap empat hingga enam jam, sehingga sehingga maksimum 30ml sehari.

### Bila perlu di ambil

Sekurang-kurangnya 4 jam diantara setiap dos dan ubat ini hanya diambil setelah anda mencuba kaedah lain tetapi tidak berjaya.

# ALLERYL SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5mL, 2mg/5mL)

## Berapa lama perlu diambil

Ikut arahan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

## Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan ambil dos seterusnya seperti biasa. Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- kecuaiian atau kering pada mulut, hidung atau tekak, muka merah padam dan kesukaran untuk bernafas.
- Halusinasi, kesukaran untuk tidur, koordinasi pergerakan tidak tetap, athetosis (pegecutan otot yang tidak normal), sawan yang boleh menyebabkan koma dan kematian.

## **Semasa mengambil Alleryl Syrup**

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Alleryl Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda sedang hamil semasa mengambil ubat ini.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Alleryl Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

#### **Penggunaan pada bayi baru lahir atau**

#### **pramatang:**

Alleryl Syrup tidak disyorkan kepada bayi yang baru lahir atau pra-matang kerana kumpulan umur ini mempunyai risiko yang lebih tinggi terhadap kesan sampingan antimuskarinik seperti rangsangan sistem saraf pusat dan peningkatan kecenderungan terhadap serangan sawan.

#### **Penggunaan pada kanak-kanak dan warga tua:**

Sentiasa berjaga-jaga apabila memberi Alleryl Syrup kepada kanak-kanak dan warga tua kerana mereka lebih cenderung untuk mengalami kesan antikolinergik saraf seperti mulut kering, penglihatan kabur, mata kering dan sembelit.

#### **Memandu dan mengendalikan jentera/mesin**

Ubat ini boleh membuat anda mengantuk dan berkemungkinan mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera/mesin.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Alleryl Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini seperti gangguan gastro usus iaitu loya, sakit gastrik, cirit birit, pandangan menjadi kabur, kekeringan pada mulut, hidung dan tekak. Hilang selera makan dan kulit sensitif kepada cahaya matahari.

Ini bukan senarai lengkap kesan-kesan sampingan. Hubungi doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)

(Consumers → Reporting)

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Alleryl Syrup**

### Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan tinggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

### Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### Rupa dan warna produk

Cecair jernih, tidak berwarna, dengan bau buah nenas dan sedikit rasa masam.

### Bahan-bahan kandungan

#### Bahan aktif

Chlorpheniramine maleate 2mg setiap 5ml & 4mg setiap 5ml

#### Bahan tidak aktif

Granular Sugar, Sodium Benzoate, Citric Acid Anhydrous, Pineapple Flavors and Deionized Water.

### Nombor- nombor MAL:

**Alleryl Syrup 2mg/5ml**

MAL20021005AZ

**Alleryl Syrup 4mg/5ml**

MAL19860099AZ

# ALLERYL SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5mL, 2mg/5mL)

---

**Pengilang:**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd  
(661901-P)

Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate 08000,  
Sungai Petani, Kedah.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd  
(661901-P)

Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate 08000,  
Sungai Petani, Kedah.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

08/06/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)040615/00142